

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
26 NOVEMBER 2021**

**PERKARA : 4(A)61**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PENAGA  
YB. MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

61. Mohon disenaraikan bilangan mereka yang menjadi anak yatim disebabkan COVID-19 mengikut bangsa dan DUN.
- (a) Apakah langkah yang diambil dan bantuan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada mereka?

**YB. DR. NORLELA BINTI ARIFFIN  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

61. Jumlah kanak-kanak yang kehilangan ibu atau bapa akibat COVID-19 di Pulau Pinang ialah seramai 299 orang melibatkan seramai 224 kanak-kanak berbangsa Melayu, 47 kanak-kanak berbangsa Cina, 24 kanak-kanak berbangsa India dan 4 kanak-kanak berbangsa lain-lain. Senarai kanak-kanak terlibat mengikut daerah dan kaum adalah seperti di **LAMPIRAN A** yang akan diletakkan di atas meja Yang Berhormat selepas selesai sesi soalan lisan
- dari Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (Sehingga 23 November 2021) Kerajaan Negeri melalui Jabatan

Kebajikan Masyarakat (JKM) telah melaksanakan langkah-langkah berikut bagi membantu kanak-kanak yang kehilangan ibu atau bapa akibat COVID-19:

- (i) Membuat siasatan ke atas keperluan penjagaan kanak-kanak yang terlibat. Berdasarkan rekod JKM, tiada kanak-kanak yang kehilangan ibu atau bapa akibat COVID-19 dimasukkan ke institusi kebajikan. Hal ini kerana semua kanak-kanak yang terlibat adalah di bawah penjagaan keluarga ataupun saudara terdekat;
- (ii) Menghubungi keluarga kanak-kanak yang terlibat bagi menawarkan khidmat Kaunselor Jabatan kepada kanak-kanak yang memerlukan;
- (iii) Memberikan bantuan bakul makanan kepada keluarga yang terkesan; dan
- (iv) Memberikan borang permohonan bantuan dan mengesyorkan skim bantuan yang boleh dimohon mengikut kelayakan.

(b) EXCO Kesihatan

Pada 22 November 2021, majlis serahan COVID-19 *relief fund* RM111,000.00 untuk bantu 111 pelajar B40 Anak Yatim yang kehilangan ibu atau bapa akibat jangkitan COVID-19 dari 21 sekolah telah diusahakan oleh YB EXCO bersama Pn. Leena, President Lions Club Bayan Baru untuk mengumpul dana bagi membantu pelajar-pelajar anak yatim di mana setiap pelajar diberi sumbagan sebanyak RM1,000 seorang.

Selain daripada itu, *Special Taskforce* di bawa MMK Kesihatan untuk membincangkan isu-isu anak yatim akibat jangkitan COVID-19.

## LAMPIRAN A

### JUMLAH MURID KEMATIAN IBU BAPA, IBU ATAU BAPA AKIBAT COVID-19 DI PULAU PINANG

BIL.	DAERAH	JUMLAH MURID	SEK. REN	SEK. MEN	SEK. AGAMA	KEMATIAN WARIS				BANGSA			
						BAPA	IBU	PENJAGA	IBU BAPA	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN
1	TIMUR LAUT	95	44	51	0	64	29	2	0	63	20	10	2
2	SEBERANG PERAI UTARA	47	23	22	2	28	16	3	0	37	10	0	0
3	SEBERANG PERAI TENGAH	84	39	43	2	56	23	1	4	66	10	8	0
4	SEBERANG PERAI SELATAN	32	13	18	1	22	10	0	0	22	7	3	0
5	BARAT DAYA	41	23	18	0	24	17	0	0	36	0	3	2
JUMLAH KESELURUHAN		299	142 (47.4%)	152 (50.8%)	5 (1.7%)	299				224 (74.9%)	47 (15.7%)	24 (8.0%)	4 (1.3%)

Sumber: JPNPP